



KENYATAAN MEDIA

MAJLIS AMANAT 2023 MENTERI PERPADUAN NEGARA

12 Januari 2023, PUTRAJAYA— Majlis Amanat 2023 oleh Menteri Perpaduan Negara telah diadakan pada hari ini di Pusat Konvensyen Antarabangsa, Putrajaya. Majlis ini telah dihadiri oleh 500 orang warga Kementerian dan agensi dari negeri W.P Putrajaya, W.P. Kuala Lumpur dan Selangor.

2. Fokus utama yang akan diberikan oleh Kementerian bagi tahun 2023 masih berpaksikan kepada tiga teras utama Dasar Perpaduan Negara iaitu:

- i. Patriotisme dan Demokrasi;
- ii. Identiti Nasional; dan
- iii. Ekosistem Perpaduan.

3. YB Menteri turut menyatakan bahawa Kementerian akan memperkasa penghayatan terhadap lima prinsip Rukun Negara bagi membina perpaduan yang lebih erat dalam kalangan masyarakat. Untuk itu, Kementerian akan melaksanakan program-program pengukuhan perpaduan berimpak tinggi pada tahun ini termasuk Sambutan Minggu Perpaduan pada minggu terakhir bulan Mei.

4. “Hasrat utama penganjuran program-program seumpama ini adalah untuk mempertingkatkan lagi semangat patriotisme dan rasa cinta kepada tanah air yang berasaskan prinsip Rukun Negara.” Jelas Datuk Aaron.

5. Menurut YB Menteri, Kementerian akan memberi tumpuan kepada pembangunan masyarakat MADANI iaitu usaha membentuk masyarakat yang maju dari segi pemikiran, kerohanian dan pembangunan dengan menyemai nilai-nilai murni seperti sikap saling menghormati sesama rakyat sebagai norma sosial dan budaya ke arah pengukuhan penyatupaduan masyarakat secara keseluruhannya.

6. Sementara itu, aspek lain yang turut diberi penekanan oleh Kementerian adalah berkaitan kesejahteraan komuniti. Peranan Kawasan Rukun Tetangga (KRT) akan terus diperkasa di peringkat komuniti dengan mempergiatkan lagi projek-projek pengukuhan ekonomi Rukun Tetangga.

Selain itu, aspek kolaborasi strategik dan tadbir urus perpaduan juga akan turut dipertingkatkan lagi melalui kerjasama pintar merentasi agensi awam, swasta dan badan bukan kerajaan (NGO) khususnya dalam usaha-usaha menyatupadukan masyarakat.

7. Pada majlis yang sama, lafaz Ikrar Bebas Rasuah (IBR) oleh warga Kementerian turut diadakan. Menurut YB Datuk Aaron, pelaksanaan IBR di Kementerian ini dilihat sebagai satu pernyataan komitmen dan kesungguhan dalam mewujudkan persekitaran kerja yang telus dan bebas rasuah.

Kementerian Perpaduan Negara

12 Januari 2023

-TAMAT-

Mengenai Kementerian Perpaduan Negara:

Kementerian Perpaduan Negara ditubuhkan pada 10 Mac 2020 Fungsi utama Kementerian Perpaduan Negara adalah untuk memacu agenda perpaduan nasional bagi memastikan kesejahteraan dan keharmonian rakyat Keluarga Malaysia.

Pertanyaan media

Unit Komunikasi Korporat,

Kementerian Perpaduan Negara

Tel: +603 8091 8041 Fax: +603 8888 8568 569

E-mail: pro@perpaduan.gov.my

No rujukan: KPN.UKK.1009/1/8 (155)